

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: 09 Ogos 2021 10:49
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HEBAHAN HEPA : 331 PESERTA DARI UNIVERSITI TEMPATAN DAN ANTARABANGSA SERTA APYS 2021.



09 Ogos 2021 | 30 Zulhijjah 1442H

HEP ONLINE :

السلام عليكم وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

331 PESERTA DARI UNIVERSITI TEMPATAN DAN ANTARABANGSA SERTA APYS 2021.



Sintok – Seramai 331 peserta dari universiti tempatan dan antarabangsa menyertai persidangan Asia Pacific Youth Leadership Summit 2021 (APYS 2021) mulai 2 Ogos hingga 21 Ogos 2021 secara dalam talian yang dianjurkan oleh Kelab yang menyatukan pelajar-pelajar Elit UUM iaitu Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter Universiti Utara Malaysia (UUM).

Persidangan pertama kali yang dijalankan secara atas talian kerana Pandemik COVID-19 ini turut mendapat kerjasama daripada Rakan strategik dan The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) Malaysia yang bertindak sebagai mentor kepada BGS Chapter UUM untuk menguruskan aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam APYS 2021.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Prof Madya Dr Hendrik Lamsali berkata, walaupun persidangan ini tidak dapat dijalankan secara bersemuka akibat Pandemik COVID-19 namun jumlah penyertaan peserta yang menyertai persidangan julung kali secara dalam talian ini menunjukkan keberkesanan penganjurannya.

Beliau yang juga Penasihat BGS Chapter UUM berharap melalui persidangan yang disertai oleh peserta dari 25 universiti tempatan, sepuluh universiti antarabangsa, rakan strategik dan penaja ini pastinya memberi peluang kepada mereka untuk menambah pengetahuan, memperbaiki kemahiran kepimpinan, berkongsi pengetahuan dalam membuat keputusan dan menjadikan persidangan ini sebagai platform bagi menyuarakan pandangan dan idea mereka mengenai pemeraksanaan kalangan belia dengan kerjasama daripada The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) Malaysia selaku rakan strategik dan penaja APYS 2021.

“ Saya yakin persidangan yang bertemakan "Memperkasakan Pemuda dengan Penglibatan Antarabangsa" yang dipilih untuk persidangan kali ini pastinya akan membawa manfaat kepada semua peserta untuk kerjaya masa depan mereka setelah tamat pengajian nanti,” ujar beliau ketika berucap merasmikan persidangan secara dalam talian itu.

Prof Madya Dr Hendrik juga mengucapkan terima kasih kepada semua peserta dan penaja Andrew Yew dari ICAEW Malaysia yang akan memberi peluang kepada pemenang Business Case Study Challenge APYS 2021 untuk menerima bimbingan khas dan menyertai ICAEW Business Case Study Challenge 2022.

Manakala bagi kumpulan yang berjaya memenangi pertandingan pula akan berpeluang mewakili Malaysia dalam ICAEW Greater China & Southeast Asia Regional Business Case Study Challenge 2022.

Sementara itu Koordinator BGS Chapter UUM, Dr Mazrah Malik ketika dihubungi berkata antara peserta dari universiti antarabangsa yang turut menyertai persidangan ini ialah dari Cardiff University, Wales, University of Leeds, England, Institute of Management Technology of Ghaziabad, India, Ritsumeikan APU, Japan, Universitas Airlangga, Indonesia, Sunan Ampel State

Islamic University, Indonesia, Universitas Katolik Atmajaya, Indonesia, Indonesia International Institute for Life Sciences, Indonesia, Institut Teknologi Bandung, Indonesia dan Peking University, Beijing, China.

Manakala panel dan juri yang akan menjayakan persidangan ini antaranya Pengasas dan Pengarah Urusan Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn Bhd Patrick Teoh, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Skilio Singapore Felix Tan, dan juga Pengarah Eksekutif dan Advisory BDO Malaysia Pam Lee.

Moderator persidangan ini ialah Product Development Associate in Kenanga Islamic Investors Berhad Taqi'Uddin Hamzah.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.